

# Malaysia tidak beri muka belasah China

**KUALA LUMPUR 12 Okt.** - Sekali pun sudah melayakkan diri ke Piala Dunia 2018, namun skuad *Malaysian Tigers* tetap enggan mengambil mudah kempen Piala Asia 2017 apabila membelasah China 7-1 dalam aksi pembukaan Kumpulan B di Dhaka, Bangladesh, hari ini.

Skuad bimbingan Stephen Van Huizen itu turun dengan misi merebut gelaran juara Asia buat pertama kali, dan jika berjaya ia pasti akan menyuntik motivasi bagi menghadapi Piala Dunia di India, tahun depan.

Dalam saingan di Stadium Nasional Maulana Bhashani itu, ketujuh-tujuh gol skuad kebangsaan masing-masing dijaringkan oleh Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil pada minit ke-12 dan 19, Faizal Saari (m-17, 31 dan 41), Shahril Saabah (m-31) dan Ramadan Rosli (m-60).

Sementara China yang menduduki tangga ke-18 dunia sekadar meraih satu gol sughati menerusi E Wenhui pada minit ke-56.

Jurulatih skuad kebangsaan, Van Huizen berkata, dia sangat gembira dengan permulaan positif *Malaysian Tigers* di Piala Asia, namun agak kecewa sedikit kerana gagal meraih rekod bersih tanpa bolos.

“Saya gembira dengan aksi pembukaan hari ini. Biarpun pada awalnya kami mengambil masa untuk menyelesaikan beberapa masalah setelah bermula dengan kurang tersusun, “katanya.



**PEMAIN** hoki negara, Muhammad Haziq Samsul (depan) menggelecek pemain China yang menyaksikan Malaysia bermula langkah kanan apabila membelasah pasukan tersebut 7-1 dalam aksi pembukaan Kumpulan B Piala Asia 2017 di Stadium Nasional Maulana Bhashani, Dhaka, Bangladesh, semalam. -ASIAN HOCKEY FEDERATION